

05 FEB 1998

Mahathir-Thailand

MAHATHIR ADAKAN PERTEMUAN DUA JAM DENGAN CHUAN LEEKPAI

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai di Bangkok mengenai keadaan kewangan dan ekonomi di rantau ini.

Menurut Setiausaha Rendah Bagi Asia Tenggara dan Pasifik Selatan Kementerian Luar, Mohd Arshad M.Hussein yang berada bersama-sama Perdana Menteri di Bangkok, pertemuan empat mata itu yang bermula pada pukul 5.30 petang waktu tempatan berlangsung lebih dua jam di pejabat Perdana Menteri Thailand.

"Dr Mahathir juga mahu melihat keadaan sebenar ekonomi di Thailand," katanya kepada Bernama ketika dihubungi menerusi telefon malam ini.

Beliau berkata mereka juga membincangkan cadangan penggunaan mata wang tempatan bagi perdagangan antara Asean.

Selepas perbincangan itu, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali diraikan oleh Perdana Menteri Thailand dalam satu jamuan malam.

Esok, sebelum berlepas ke Manila, Dr Mahathir akan melawat Kedutaan Malaysia dan mengadakan rumah terbuka sempena Hari Raya untuk masyarakat Malaysia di Bangkok.

Di Manila, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dengan Presiden Fidel Ramos di Istana Malacanang.

Perbincangan itu akan bertumpu kepada penggunaan mata wang Asean bagi pembayaran perdagangan import-eksport antara rantau serta mengurangkan penggantungan terhadap dolar Amerika yang dikatakan menjadi penyebab kemerosotan nilai mata wang Asia. -- BERNAMA

HT NAK